

Tarikh Dibaca: 5 JULAI 2024M | 28 ZULHIJAH 1445H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“HIJRAH SUATU KEMERDEKAAN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“HIJRAH SUATU KEMERDEKAAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk " **HIJRAH SUATU KEMERDEKAAN** ".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

¹ Al-Baqarah :218

² Ali-Imran: 102



Ayat muqaddimah tersebut mengkhabarkan kepada kita tentang sifat orang beriman yang sentiasa berusaha untuk memperbaiki keimanan mereka sehinggalah mencapai tahap kesempurnaan. Manakala maksud hijrah ialah berhijrah dari sudut tubuh badan dan amalan. Sudah tentulah untuk sampai kepada maksud keduanya memerlukan jihad atau mujahadah pada jalan Allah SWT dan akhirnya akan dianugerahkan dengan rahmat kasih sayang dan mendapat keampunan Allah SWT.

Jelaslah berdasarkan ayat ini yang membawa pengamatan kita pada dua pengertian hijrah iaitu hijrah makaniyah bermaksud perpindahan tubuh badan meninggalkan satu tempat menuju tempat yang lain untuk mencari redha Allah SWT. Manakala hijrah maknawiyah ialah meninggalkan amalan - amalan batil menuju kepada amalan - amalan yang benar dan mendapat keredhaan Allah SWT. Bicara inilah yang berkait dengan sebuah kemerdekaan diri kita sebagai umat Islam iaitu membebaskan diri dari belenggu amalan, sikap, gaya hidup, budaya yang batil berubah kepada gaya hidup berpaksikan akidah, syariat dan akhlak sebagai cara hidup Islam.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Pengertian hijrah bermaksud melakukan perubahan dari sudut tekad, sikap, budaya, cita rasa atau gaya hidup ke arah yang lebih baik. Iaitu meninggalkan apa sahaja yang dilarang oleh Allah SWT dan berubah kepada perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT. Hadis daripada Abdullah Bin Amru Radhiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

المُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

"Orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan apa-apa yang dilarang oleh Allah daripadanya".

(Riwayat al-Bukhari).

Begitu juga hadis daripada Saidatina Aishah Radhiallahuanha bahawa Rasulullah SAW telah bersabda ketika baginda sedang berpidato selepas Fathul Makkah.

لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ، وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ، وَإِذَا سْتُنْفِرْتُمْ
فَانْفِرُوا

"Tidak ada hijrah setelah pembebasan Kota Makkah (Fathul Makkah), tetapi yang ada adalah Jihad dan Niat. Oleh kerana itu, jika kalian semua diminta keluar berjihad maka keluarlah (berangkatlah) berjihad".

(Riwayat al Bukhari).

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Hijrah maknawiyah ini meliputi persoalan iktikad (kepercayaan dan keyakinan), fikriyah (pemikiran), syu'uriyah (cita rasa) dan sulukiyah (perjalanan keseluruhan akhlak).

1. Hijrah Keyakinan dan Kepercayaan:

Dunia semakin maju dan berteknologi, sewajarnya tidak menjadi halangan untuk umat Islam mempelajari dan beramal berdasarkan akidah Islam yang sahih. Berbagai cara dan kaedah sama ada berguru secara bertalaqqi di masjid-masjid, pondok atau madrasah mahupun pengajian secara *on-line* agar menjadi golongan berilmu dan beramal serta berakidah



dengan betul, namun yang menjadi kekusaran kita ialah masih ada golongan yang terpesong akidah, kepercayaan dan keyakinan mereka.

Wujud golongan yang mendakwa bahawa kononnya Nabi Muhammad SAW itu sebagai Tuhan, menyatakan Nabi Muhammad SAW tidak beranak dan diperanakan, tidak mempercayai adanya syurga dan neraka, mempertikaikan kenabian Nabi Muhammad SAW dan sebagainya. Malah ada segelintir masyarakat Islam yang masih tegar dengan amalan-amalan animisme berbaur khurafat dan syirik seperti meletakkan ancak, puja pantai, percaya bomoh, percaya adanya kuasa selain Allah SWT dan sebagainya.

Umat Islam yang sedemikian wajib segera bertaubat, melakukan hijrah atau berubah kepada hanya mentauhidkan Allah SWT semata-mata dan mengikut ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

2. Hijrah Pemikiran:

Dengan perkembangan zaman, kemajuan teknologi dan derasnya arus informasi memudahkan berkembangnya aliran pemikiran sederas teknologi yang ada. Jolokan dunia tanpa sempadan merancakkan lagi penjajahan pemikiran dalam kalangan umat Islam. Lahirnya fahaman *sekularisme* (memisahkan kehidupan dengan agama), *liberalisme* (memberi hak kepada individu tanpa batasan), *pluralisme agama* (mendakwa semua agama benar dan sama), *free thinker* (pemikiran bebas tanpa anutan agama dan kepercayaan) semua itu mengancam akidah dan syariat Islam. Umat Islam wajib berhijrah dan memerdekakan diri masing-masing dari serangan aliran pemikiran yang merosak dan menjahanamkan akidah dan kepercayaan Islam.

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Jelas Rasulullah SAW memperingatkan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri Radhiallahunhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Umatku nescaya akan mengikuti sunah (budaya, pemikiran, tradisi, gaya hidup) orang-orang sebelum kamu, sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, sehingga mereka masuk ke dalam lubang biawak sekalipun pasti umatku akan mengikuti mereka. Lalu para sahabat bertanya: Ya Rasulullah! apakah mereka itu orang-orang Yahudi dan Nasrani? Rasulullah SAW menjawab: Siapa lagi kalau bukan mereka".

(Riwayat Muslim).

Sewajarnya kita sentiasa berwaspada dengan pengaruh penjajahan pemikiran yang boleh membawa kepada kesesatan ini.

3. Hijrah Perasaan:

Setiap tahun umat Islam menyambut tahun baru hijrah dengan pelbagai pendekatan dan aktiviti. Persoalannya ialah telah berhijrahkah kita kepada tekad, sikap, budaya dan cita rasa yang baru yang diwarnai oleh al-Quran dan al-Sunnah?. Sekiranya perubahan dalam diri dan keluarga serta masyarakat masih belum berganjak ini bermakna kita masih belum lagi malah masih perlu kepada pemahaman, pembinaan dan kesedaran untuk berubah.

Syu'uriyah ataupun cita rasa, kesenangan dan kesukaan ini termasuklah soal hiburan, muzik, bacaan, hiasan, fesyen pakaian, idola, pembiayaan kewangan, makanan dan lain-lain, adakah telah diwarnai dengan syariat sebagai pedoman dan rujukan?. Ramai lagi di kalangan umat Islam tidak mengambil peduli soal halal dan haram, kadangkala bersikap asal jadi duit, asal makan sedap, asal hati gembira dan

sebagainya tanpa rasa bersalah melakukan sesuatu dan merampas sesuka hati atau mengambil sesuatu sekalipun bercanggah dengan syariat.

Marilah kita hijrahkan diri kita daripada gaya hidup yang menyimpang daripada syariat Islam berubah kepada gaya hidup yang diredai oleh Allah SWT.

4. Hijrah tingkah laku:

Tingkah laku atau Sulukiyah bererti perjalanan keseluruhan tingkah laku atau keperibadian seseorang. Setiap perjalanan pasti akan bertembung dengan pergeseran nilai yang baik mahupun yang buruk. Ini adalah gambaran bahawa kehidupan ini penuh dengan cabaran dan halangan. Tidak hairan kini, munculnya pelbagai gejala sosial dan moral seperti rasuah, pecah amanah, penipuan dan salahguna kuasa. Umat Islam wajib berhijrah untuk memerdekakan diri dan masyarakat dari kemelut kehancuran dan kerosakan kepada membudayakan kehidupan dengan mengenali dan memahami syariat, beramal dengan amalan terpuji, jauhi kehidupan buruk yang mencemar nilai moral dan akhlak. Penghijrahan ini amat perlu untuk menjamin kelangsungan agama, negara dan bangsa.

Hadirin Jumaat yang berbahagia,

Kata-kata daripada Saidina Umar al-Khattab Radhiallahuanhu:

حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا

“Hisablah diri kalian sebelum kalian dihisab di akhirat kelak”.

Ayuhlah kita berhijrah melaksanakan perubahan ke arah yang lebih baik. Meninggalkan segala keburukan, kepincangan dan kegelinciran.

Mudah-mudahan kehidupan kita akan dirahmati oleh Allah SWT dan bererti kita telah mencapai kemerdekaan di sisi Allah SWT.

Hadirin jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah sama-sama menghayati hijrah dan bina kehidupan kita dengan berpandukan akidah, syariat dan akhlak Islam.
2. Umat Islam disarankan meninggalkan perkara-perkara yang buruk, dosa dan maksiat, justeru melaksanakan perkara yang diperintah oleh Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah menjadi agen dakwah kepada orang lain kepada perkara-perkara amar makruf nahi munkar serta menunjukkan tauladan yang baik.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ
وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

“(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja) dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

(surah al-Taubah : 20).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ!
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ اصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ
الْمُسْلِمِينَ

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَهٗ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri

kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.